

02/07/2001

PKAUM tidak mahu pelbagai pihak buat spekulasi

KUALA LUMPUR, Ahad - Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) mahu isu kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC) universiti itu diselesaikan berdasarkan siasatan polis.

Sehubungan itu, Presidennya, Rosli H Mahat, berkata PKAUM tidak mahu mana-mana pihak membuat pelbagai spekulasi serta tuntutan yang tidak profesional yang boleh menjejaskan urusan pentadbiran Universiti Malaya (UM).

Pada masa yang sama, PKAUM kesal dengan tindakan Puteri Umno yang menuntut Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain meletak jawatan.

"Isu ini terpulang kepada pensyarah, kakitangan dan pelajar UM untuk menyokong atau sebaliknya, sama ada Dr Anuar Zaini terus menerajui UM.

"Azalina, sebagai seorang profesional seharusnya menunggu hasil siasatan punca sebenar kebakaran sebelum membuat sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan kewibawaan Umno," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan Puteri Umno mendesak Dr Anuar Zaini, meletak jawatan kerana didakwa gagal menjalankan tugas sehingga menyebabkan imej UM tercemar.

Memorandum mendesak Dr Anuar Zaini meletak jawatan diserahkan Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said kepada Naib Canselor itu selepas sidang akhbar bagi menjelaskan kebakaran Dewan Tuanku Canselor, kelmarin.

Dalam memorandum itu, Puteri Umno berkata, reputasi UM terjejas berikutan Penerbitan Varsiti 2001 yang mengandungi kecaman terhadap pemimpin kerajaan dan diedarkan dengan meluas dalam kawasan kampus selain kejadian kebakaran DTC.

Sebelum itu, Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru dijadualkan berlangsung di DTC terpaksa diubah ke Dewan Perdanasiswa yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Rosli berkata, pihaknya sudah menyerahkan memorandum mendesak supaya tidak ada mana-mana pihak cuba campur tangan dalam urusan dalaman UM kepada Dr Mahathir; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed dan Azalina selepas majlis simposium itu.

PKAUM juga meminta semua pihak menghormati UM sebagai sebuah institusi ilmu yang mana kecemerlangan universiti berkenaan ditentukan pelajar, pensyarah serta kakitangan universiti terbabit.

(END)